




## Bagaimana Demam Denggi BERJANGKIT



**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 15/2017  
(9 April hingga 15 April 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan kes dan kematian di laporkan				Jumlah terkumpul kes denggi sehingga minggu 15/2017		Jumlah terkumpul kes denggi sehingga minggu 15/2016	
		Minggu 15 (9 April – 15 April 2017)		Minggu 14 (2 April – 8 April 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	1	0	2	0	58	0	73	0
2	Kedah	24	0	21	0	389	1	285	1
3	P. Pinang	74	1	41	0	628	5	1,628	10
4	Perak	127	0	169	0	2,430	6	1,638	4
5	Selangor	1,055	1	956	6	14,561	21	21,770	31
6	WP KL & Putrajaya	229	0	190	1	2,522	10	2,737	4
7	N. Sembilan	103	0	105	0	1,179	7	1,055	10
8	Melaka	28	0	32	0	561	0	857	1
9	Johor	137	0	132	3	1,939	7	5,818	10
10	Pahang	32	0	34	0	669	1	1,027	4
11	Terengganu	2	0	11	0	103	0	1,421	12
12	Kelantan	55	0	64	0	1,279	2	875	1
13	Sarawak	11	1	16	0	475	2	803	3
14	Sabah	24	0	31	0	609	3	1,086	1
15	WP Labuan	0	0	0	0	3	0	2	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,902</b>	<b>3</b>	<b>1,804</b>	<b>10</b>	<b>27,405</b>	<b>65</b>	<b>41,075</b>	<b>92</b>

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

# 212 maut angkara demam denggi

**Putrajaya:** Sebanyak 78,246 kes denggi dicatatkan di seluruh negara sehingga kelmarin dengan jumlah kematian akibat wabak itu kini 212 orang.

Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan (CPRC), Kementerian Kesihatan dalam satu kenyataan di laman webnya, memaklumkan, Selangor terus menjadi penyumbang tertinggi dengan 43,555 kes, diikuti Johor (8,579 kes), Perak (6,920 kes), Kuala Lumpur (4,908 kes) dan Pulau Pinang (3,453 kes).

Kementerian Kesihatan sebelum ini memaklumkan, sehingga 8 Ogos lalu, ada 1,105 lokaliti wabak yang masih aktif di 12 negeri, tertinggi di Selangor dengan 661 lokaliti, Johor (261), Perak (48), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (28), Kelantan (27) dan Pulau Pinang (25).

**Punca denggi**  
Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata denggi berpunca daripada persekitaran kotor yang menggalakkan penaku-



ngan air bagi pembiakan aedes, manakala semburan kabus dengan racun serangga tidak menyelesaikan masalah kerana hanya membunuh nyamuk dewasa.

"Justeru, semua peringkat masyarakat perlu memainkan peranan dalam membersihkan persekitaran tempat tinggal, belajar dan bekerja mereka bagi mengawal pembiakan aedes," katanya.

Beliau menggesa pihak berkuasa di semua negeri, terutama yang mencatatkan kes denggi tertinggi mengambil tindakan segera bagi memastikan wabak itu tidak terus menular.

**INFO**

**Maklumat denggi harian - Januari hingga 22 Ogos 2015**

Negeri	Jumlah kes harian	Jumlah kes terkumpul	
Johor	39		8,579
Kedah	0		606
Kelantan	8		1,543
Melaka	11		1,377
Negeri Sembilan	3		1,437
Pahang	6		1,730
Perak	20		6,920
Perlis	1		158
Pulau Pinang	5		3,453
Sabah	8		1,752
Sarawak	2		1,391
Selangor	162		43,555
Terengganu	8		699
WP Kuala Lumpur	29		4,908
WP Labuan	0		2
WP Putrajaya	0		136
<b>Jumlah kes:</b>	<b>302</b>		<b>Jumlah lokaliti wabak: 78,246</b>

## Apa Itu Virus Zika

Virus Zika ialah virus yang disebarkan oleh nyamuk aedes, iaitu vektor yang sama untuk penyakit demam denggi dan chikungunya. Virus ini boleh menyebabkan bayi yang baru dilahirkan mengalami sindrom otak kecil atau 'mikrosefali' sekiranya dijangkiti. Virus ini ditemui di hutan Zika di Uganda pada tahun 1947 dan virus ini bukanlah penyakit baharu bagi negara seperti Afrika. Wabak Zika mula merebak secara meluas di Hemisfera Barat sejak bulan Mei 2015, iaitu bermula di Brazil.

Maklumat selanjutnya sila layari laman web:

<http://www.panduanmalaysia.com/2016/02/virus-zika-simptom-tanda-rawatan-punca.html>

# FAKTA TENTANG VIRUS ZIKA



Zika ialah virus yang disebarkan oleh nyamuk aedes (Aegypti).



Tidak ada ubat atau vaksin untuk rawatan wabak ini.



Wabak ini bermula di Brazil dan telah merebak ke 26 buah negara.



Jangkitan ini dikaitkan dengan kecacatan otak bayi dalam kandungan dan sindrom saraf.



Gejala ini termasuklah demam ringan, ruam kulit, sakit sendi dan konjunktivitis, biasanya sehingga 2 – 7 hari.



Pencegahan jangkitan virus Zika adalah dengan mengelakkan daripada gigitan nyamuk. Gunakan racun serangga dan lindungi kulit dengan memakai pakaian berlengan panjang.